KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | |
| TARIKH | : | 12/12/2018 | MUKA SURAT : | 20 |
| JABATAN | : | JPS / BANJIR | | |
| 0140KLASIFIKASI | : | **PERHATIAN** | | |

# Dijangka siap Januari 2021

## *Projek naik taraf, tebatan banjir Sungai Belat dapat elak limpahan air*

NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

**KUANTAN**

Projek naik taraf dan tebatan banjir Sungai Belat dengan kos RM118.4 juta di bawah Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan Pakej 1 dijangka siap Januari 2021.

Pembinaan projek di bawah Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) Pahang bermula Januari lalu kini mencapai tahap 16.23 peratus.

Exco Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi negeri, Datuk Seri Norol Azali Sulaiman berkata, projek itu merangkumi pembinaan ban tebatan banjir sepanjang 14.2 kilometer, pembinaan dan naik taraf rumah pam dan pintu kawalan air serta kerja mendalamkan Sungai Belat sepanjang 2 kilometer.

Menurutnya turut termasuk dalam pakej 1 itu, kerja pembinaan longkang dan perlindungan tebing sepanjang 5.4 kilometer.

"Apabila siap kelak, projek ini dapat memberi perlindungan terhadap limpahan air banjir kepada penduduk perumahan di sekitar Paya Besar termasuk Taman Guru, Perkampungan Sungai Isap, Permatang Badak, Bukit Rangin dan perkampungan Belukar Maju.

"Ia juga dapat mengurangkan risiko banjir di Perkampungan Teluk Mahang dan kawasan sekitarnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas meninjau tapak projek itu di sini, petang semalam.

Turut serta, Pengarah Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) Pahang Datuk Ir. Jamil Shaari



Norol Azali mendengar taklimat Ir Jamil berhubung perkembangan Projek naik taraf dan tebatan banjir Sungai Belat.

Norol Azali berkata, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kuantan diluluskan Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan RM527 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) bagi mengatasi masalah banjir dan kualiti air sungai di Kuantan.

"Ia merangkumi tiga komponen iaitu Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kuantan Fasa II meliputi empat pakej iaitu projek naik taraf Sungai Belat, Sungai Pandan, Sungai Kuantan dan dalamkan Sungai Kuantan dengan kos RM445 juta.

"Pihak JPS juga akan melaksanakan dua pakej komponen saliran mesra alam melibatkan kerja-kerja perelok anak Sungai Belat dan menaik taraf sistem perparitan Tanjung Lumpur, Peramu, Kempadang dan Sungai Soi dengan Kos RM50 juta," katanya.

Menurutnya, satu lagi komponen bawah projek itu adalah komponen sungai hidup atau 'living river' bagi pemulihan koridor Sungai Galing dengan peruntukan RM32 juta.

**info**

**Projek yang berjalan sejak Januari lalu dan kini mencapai tahap 16.23 peratus**

"Projek ini bertujuan bukan sahaja untuk mencantikkan sungai berkenaan malah memastikan airnya bersih dan ada hidupan di dalamnya.

"Ia juga sebagai salah satu usaha untuk mendidik masyarakat menghargai dan menjaga hargai sungai yang dekat dengan kehidupan mereka. Paling tidak memastikan mereka bertanggungjawab dengan tidak mencemar atau mengganggu aliran sungai berkenaan," katanya.

Norol berkata, projek itu membuktikan kerajaan negeri dan Persekutuan sentiasa memberi perhatian dalam usaha menyelenggarakan sungai, mendalam dan menjaga tebing selain mengindahkan sungai.